

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dikahantar: 26 Ogos 2010 15:18

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

26 OGOS 2010 / 16 RAMADHAN 1431H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohamed



Prof Ir Dr Mohd Jailani Mohd Nor dua dari kanan melihat proposal yang disediakan oleh Dr Mohamed Najib Salleh (tiga dari kiri) selepas mesyuarat bersama RTM, Penyelidik dan Pegawai Awam Universiti.

UUM ONLINE - Dua puluh produk R & D dari sebelas Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dipilih oleh Bahagian Perancangan Kecemerlangan, Institusi Pengajian Tinggi (BPKI), Jabatan Pengajian Tinggi untuk ditayangkan oleh Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) pada slot Panaromanya.

Menurut Pengarah BPKI, Prof Ir Dr Mohd Jailani Mohd Nor program yang mengenengahkan produk-produk yang dihasilkan oleh penyelidik dari universiti tempatan ini dipilih bagi ditayangkan kepada masyarakat mengenai kejayaan tenaga akademik di negara ini dalam penyelidikan yang mereka lakukan.

Katanya, ia selaras dengan Perancangan dan Pelaksanaan Pelan Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), Bahagian Perancangan Kecemerlangan IPT dalam Teras ketiga iaitu Memperteguh Penyelidikan dan Inovasi serta Teras keempat Memperkasakan Institusi Pengajian Tinggi.

Beliau berkata, Unit Pengkomersilan yang ditubuhkan ini berperanan untuk merancang dan melaksanakan penyebaran maklumat penemuan penyelidikan dan inovasi R&D IPT dalam mempromosikan produk-produk.

Ianya terkandung dalam PSPTN untuk meningkatkan pengkomersilan hasil R&D IPT sebanyak 3.5 peratus menjelang 2010 dan 10 peratus menjelang 2020.

Dr Mohd Jailani menambah dengan mengenengahkan hasil penyelidik-penyelidik dari IPTA ini hasil penyelidikan mereka akan dipasarkan.

"Kita di JPT telah mengatur beberapa langkah untuk komersilan melalui hebahan serta pemasaran dan hari ini, Media Elektronik dipilih untuk kita menghebahkannya iaitu dengan kerjasama dari pihak RTM (TV1)," katanya ketika mempengerusikan mesyuarat bersama pihak RTM, penyelidik dan pegawai media dari IPTA di Bilik Mesyuarat Al Farabi JPT, Putrajaya.

Sementara itu, Penerbit Eksekutif Panorama Radio Television Malaysia Ab Aziz Latif yang ditemui berkata slot panaroma melalui TV1 akan menyiarkan hasil penyelidik dari IPTA yang dipilih oleh JPT.